

# Remaja OKU: Kita buta hati

Sinar 26/6/14 MS 14.



**T**IDAK siapa dapat membayangkan apa yang akan terjadi kepada Muhammad Firdaus Dullah sekiranya dia tidak ditemui oleh sepasukan anggota Jabatan Imigresen dalam operasi memburu pendatang asing tanpa izin, Sabtu lalu.

Remaja berusia 15 tahun itu adalah warganegara sah, bukan pendatang asing. Malangnya dia orang kurang upaya (OKU), sebab itu nasibnya jauh lebih daif daripada pendatang haram yang diburu.

Seperti yang dilaporkan media, ketika ditemui di Flat Taman Semarak, Nilai, Negeri Sembilan keadaan insan malang ini betul-betul seperti mayat hidup. Tubuhnya kurus kering, kotor, hanya memakai baju T yang sudah koyak dan reput serta berlumuran najis. Dia kelaparan.

Hanya setelah berita dan gambarnya – dalam bilik seperti reban ayam yang terlalu kotor – disiarkan di muka hadapan akhbar, baharulah semua pihak membuka mata, sambil menyatakan perasaan kesal dan terkejut.

Segera memberi reaksi ialah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim yang meluahkan simpati

sambil menegaskan pihaknya menyediakan pelbagai jenis saluran bantuan untuk semua golongan termasuk OKU.

Penduduk di flat berkenaan juga terkejut dan mengakui tidak pernah mengetahui kisah remaja malang itu.

Menurut mereka ibu mangsa tidak pernah bergaul dengan penduduk setempat, dan hanya dapat dilihat pada awal pagi ketika keluar kerja dan ketika pulang lewat malam setiap hari.

Malah seorang penduduk mendakwa pernah melihat remaja tersebut dibawa oleh ibunya di sekitar flat berkenaan ketika usianya antara lima hingga tujuh tahun, tetapi sejak beberapa tahun lalu, remaja itu tidak lagi kelihatan.

Ketika rencana ini ditulis ibu mangsa, wanita berusia 40 tahun berasal dari Sabah, masih direman untuk membantu siasatan di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001.

Tentu sekali ibu berkenaan patut disiasat kerana mengabaikan

anaknyanya dalam keadaan yang begitu sadis.

Mudah-mudahan siasatan polis akan mengenal pasti masalah sebenar bagaimana seorang ibu tergamak melakukan begitu terhadap anak kandungnyanya.

Bagi kebanyakan orang pula mudah sekali menuduh ibu berkenaan sebagai kejam, zalim, tidak berhati perut, tidak bertanggungjawab, dan lain-lain cemuhan.

Tetapi jangan salahkan ibunya sahaja.

**“Betapa pula halnya dengan penduduk setempat termasuk jiran-jiran. Apakah langsung tidak ada keprihatinan terhadap sesama insan? Mungkin benar wanita tersebut tidak bercampur masyarakat. Tetapi itu bukan alasan untuk masyarakat tidak mengambil berat mengenai kehidupannya? Anak OKU yang biasa dilihat ketika berusia tujuh tahun, tiba-tiba hilang dari pandangan, dan tidak seorang pun mempunyai perasaan untuk bertanya kepada ibunya. Di mana nilai kemanusiaan kita?”**

Sejauh mana upaya seorang wanita biasa – tanpa kedudukan, tanpa pendapatan mewah, tanpa kabel orang ternama – untuk menyara seorang anak OKU, bukan setahun tetapi selama 15 tahun.

Memang wanita tersebut

berkahwin baharu, tetapi bukan dengan seorang jutawan karpet, tidak juga dengan tauke lombong.

Boleh jadi wanita berkenaan sentiasa dalam keadaan kesempitan, dan sudah putus asa.

Betapa pula halnya dengan penduduk setempat termasuk jiran-jiran. Apakah langsung tidak ada keprihatinan terhadap sesama insan?

Mungkin benar wanita tersebut tidak bercampur masyarakat. Tetapi itu bukan alasan untuk

masyarakat tidak mengambil berat mengenai kehidupannya?

Anak OKU yang biasa dilihat ketika berusia tujuh tahun, tiba-tiba hilang dari pandangan, dan tidak seorang pun mempunyai perasaan untuk bertanya kepada ibunya.

Di mana nilai kemanusiaan kita?

Di mana Tok Ketua, JKK, Tok Imam dan lain-lain rakan kejiranan? Apakah semuanya pekak, buta sehingga tidak mengetahui – atau sengaja tidak mahu mengambil tahu – perkara menyayat itu terjadi?

Di mana wakil rakyat, pemimpin parti, pemimpin masyarakat? Apakah masing-masing terlalu sibuk dengan urusan untuk membesarkan tembok sendiri, sehingga tidak nampak – atau sengaja buat-buat tidak nampak – masalah dan derita rakyat marhaen?

Sebenarnya Firdaus bukan kes terencil. Di luar sana ada banyak lagi insan senasib OKU ini yang hidup melarat.

Ada yang berpuluh kali memohon bantuan daripada pihak berkenaan, tetapi ditolak dengan pelbagai alasan, atau tidak dilayan langsung. Terlalu banyak kerenah birokrasi.

Bagi sesetengah orang susah sangat untuk mendapat bantuan bulanan walaupun tidak sampai RM250. Tetapi bagi sesetengah orang lain pula, mudah sangat mendapat pinjaman hingga RM250 juta, walaupun belum tentu pinjaman itu dapat dilunaskan!